

U B195 AAB  
MAHATHIR - PBB  
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI)

DARIPADA AHMAD REJAL ARBEE

(I)

NEW YORK, 29 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI HARI INI DENGAN TEGAS MERAYU DIPERTINGKAT PERANAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA (PBB) DENGAN MEMBERI NAFAS DAN MAKNA KEPADA BADAN DUNIA ITU UNTUK MENGHAPUSKAN KERAGUAN TENTANG BERGUNANYA BADAN ITU.

KETIKA BERUCAP PADA SESI KE-41 PERHIMPUNAN AGUNG PBB DI SINI PAGI INI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PERANAN BADAN DUNIA ITU TETAP ADA GUNANYA, OLEH ITU IA TIDAK HARUS DIBIARKAN MENGALAMI NASIB YANG SAMA DENGAN LIGA NEGARA-NEGARA.

+SEBUAH DUNIA TANPA PBB ADALAH TIDAK TERFIKIRKAN... PADA PBBLAH LETAKNYA HARAPAN KITA UNTUK KEHIDUPAN HARI ESOK YANG LEBIH BAIK, BAGI KEADILAN, KEAMANAN DAN KESTABILAN SERTA KEMAKMURAN UNTUK SEMUA BANGSA,+ KATANYA.

KEHADIRANNYA DI SINI DIANGGAP SEBAGAI MENUNJUKKAN PENERIMAAN YANG KUAT OLEH MALAYSIA AKAN SISTEM PBB.

BELIAU BERKATA BAGI MASTIKAN BADAN DUNIA ITU KEKAL SEBAGAI PERTUBUHAN YANG BERGUNA, PERANANNYA PERLU DIPERTINGKATKAN DAN TIDAK TERTAKLUK KEPADA KEPENTINGAN MANA-MANA NEGARA INDIVIDU ATAU BLOK TERTENTU. -- LAGI.

1413MST 29 09 86

U B197 AAB  
MAHATHIR - PBB 2 NEW YORK (EMBARGO)

BELIAU BERKATA WALAUPUN SEBULAT SUARA BERSETUJU BAHAWA BADAN ITU TIDAK HARUS MENJADI BADAN YANG TIDAK BERGUNA, NEGARA-NEGARA KAYA DAN BERKUASA DAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG KECIL HENDAKLAH SAMA-SAMA BERTANGGUNGJAWAB MENGENAI KEADAAN PBB SEKARANG.

JIKA PRESTASI PERTUBUHAN INI TIDAK SEBAGAIMANA YANG DIHARAPKAN, IA HARUSLAH LEBIH DIPERTANGGUNGJAWABKAN KE ATAS BAHU NEGARA-NEGARA BESAR YANG SAMA YANG MENGHARAPKAN PBB MENJADI ALAT YANG BERKHIDMAT UNTUK MENCAPAI MATLAMAT TERTENTU, BAGI KEPENTINGAN TERTENTU, KATANYA.

DEMIKIANLAH JUGA MAKA NEGARA KECIL YANG MEMBUAT KEPUTUSAN MEREKA BERDASAR KEPADA CORAK POLITIK DAN IDEOLOGI MASING-MASING SEMATA-MATA, TIDAK AKAN MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PENYELESAIAN YANG BERMAKNA.

BELIAU BERKATA MEREKA TIDAK HARUS MEMBIARKAN DIRI MEREKA MENJADI +PROKSI+ KEPADA KEPENTINGAN BLOK TETAPI PATUT MENGASASKAN KEPUTUSAN MEREKA KEPADA MERIT SESUATU ISU ITU.

SESETENGAHNYA PULA JUGA MENGENEPIKAN PRINSIP, MELANGGARI KEUTUHAN WILAYAH DAN KEDAULATAN NEGARA KECIL YANG LEMAH MELALUI SENJATA DAN KUASA TENTERA. -- LAGI.

1435MST 29 09 86

U B202 AAB  
MAHATHIR - PBB 3 NEW YORK (EMBARGO)

BELIAU BERKATA KRISIS KEWANGAN SEKARANG YANG DIHADAPI OLEH PBB ADALAH KESAN DARIPADA PENGANTUNGAN SUMBANGAN TETAP OLEH SESETEGAH NEGARA ANGGOTA DAN LEBIHAN KAKITANGAN SEKRETARIAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMUJI USAHA JAWATANKUASA 18 ANGGOTA UNTUK MENYELARASKAN PENTADBIRAN DAN PROSIDUR KEWANGAN PERTUBUHAN ITU SERTA MENGURANGKAN KAKITANGANNYA, TETAPI MENKRITIK AMERIKA SYARIKAT (TANPA MENAMAKANNYA) KERANA MAHU MENGGANTUNGAN SUMBANGAN TETAPNYA UNTUK MENDESAK PENERIMAAN SYARAT-SYARAT YANG DIPUTUSKAN OLEH KONGRES AS SECARA SEHALA.

+PERATURAN DAN PROSIDUR YANG DIBENTUK DENGAN KONSEP ASAS SAMA-RATA ANTARA NEGARA-NEGARA, TIDAK HARUS DIPINDA... WALAU APAJUA PERASAAN TIDAK PUASHATI KITA YANG MUNGKIN TIMBUL TERHADAP PBB, KEANGGOTAAN DALAM PERTUBUHAN ITU MENGHENDAKI KITA MENERIMA BEBERAPA PRINSIP ASAS DAN BEROPERASI MENGIKUT PERATURAN YANG DIPERSETUJUI,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG MERUPAKAN ORANG PERTAMA BERUCAP PADA PERHIMPUNAN PAGI INI JUGA MENYENTUH MENGENAI APARTEID, PALESTIN, KAMPUCHEA, AFGHANISTAN, PERLUCUTAN SENJATA DAN ANTARTIKA.

MENGENAI APARTEID DAN AFRIKA SELATAN, BELIAU MENKRITIK SIKAP NEGARA-NEGARA +DOUBLE STANDARDS+ YANG SAMBIL MENGUTUK DASAR APARTEID YANG ENGGAN MENGENAKAN SEKATAN MANDATORI KE ATAS AFRIKA SELATAN TETAPI TELAH MENGENAKAN SEKATAN TENTERA LAUT UNTUK MENGATASI MASALAH MEREKA SENDIRI. -- LAGI.

1448MST 29 09 86

U B206 AAB  
MAHATHIR - PBB 4 NEW YORK (EMBARGO)

+CARA SETERUSNYA IALAH MENGENAKAN SEKATAN DENGAN SERIUS.+

BELIAU JUGA MENYERU SOKONGAN DUNIA BARAT DAN JEPUN BAGI TABUNG KEPADUAN UNTUK AFRIKA SELATAN AGAR BANTUAN ITU BERKESAN.

BELIAU BERKATA BAHAWA SEKATAN-BALAS AFRIKA SELATAN TERHADAP NEGARA BARISAN DEPAN MESTI DIPECAHKAN DENGAN CARA DAN PENENTUAN YANG SAMA SEPerti YANG DILAKUKAN UNTUK MEMECAHKAN SEKATAN BERLIN SELEPAS PEPERANGAN DAHULU.

+SUDAH TIBA MASANYA NEGARA-NEGARA YANG MENGAMALKAN PRINSIP YANG TINGGI DAN SENTIASA SAHAJA BERSEDIA MENGUTUK, MALAHAN MENUDUH NEGARA DUNIA KETIGA KONONNYA MELAKUKAN PENINDASAN KEBEBASAN, BERTINDAK MENGIKUT APA YANG MEREKA KATAKAN.+

MENGENAI PALESTIN, BELIAU BERKATA MASALAH MULAI TIMBUL SETELAH WUJUD ISRAEL DENGAN PENYINGKIRAN RAKYAT PALESTIN.

+SEJAK ISRAEL BERTAPAK MELALUI SATU KEPUTUSAN PBB PADA 1948, DAN KEPUTUSAN ITU DISOKONGI DAN DIPEGANG OLEH KUASA-KUASA BESAR, IA DIPERTAHANKAN OLEH KUASA BERKENAAN, JIKA TIDAK PUN ISRAEL SENDIRI, UNTUK MENGIKTIRAF DAN BERPEGANG PADA KETETAPAN PBB MENGENAI ISU YANG SAMA.+ -- LAGI.

1456MST 29 09 86

MAHATHIR - PBB 5 NEW YORK (EMBARGO)

BELIAU BERKATA BAHAWA RAKYAT PALESTIN RIDAK PATUT DIKUTUK KERANA KEGANASAN SEDANGKAN HAKIKAT BAHAWA ISRAEL SENDIRI MERUPAKAN HASIL KEGANASAN DAN MENERUSKAN DASAR MENGHASUT, MENGANCAM DAN MENGANIAYA ORANG-ORANG ARAB, TIDAK DIHIRAUKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA MALAYSIA MENYERTAI MASYARAKAT ANTARABANGSA DALAM MENGUTUK KEGANASAN TETAPI KUTUKAN SEUMPAMA ITU HENDAKLAH JUGA MELIPUTI TINDAKAN KEGANASAN OLEH KERAJAAN-KERAJAAN.

MENGENAI AFGHANISTAN, BELIAU BERKATA, IA MENJADI SATU CONTOH PENCABULAN TERHADAP SEBUAH NEGARA MERDEKA DAN BERDAULAT OLEH SALAH SEBUAH NEGARA YANG SANGAT BERKUASA DI DUNIA DAN ANGGOTA TETAP MAJLIS KESELAMATAN PBB, IAITU SOVIET UNION.

BEGITU JUGA VIETNAM, YANG MENAWAN KAMPUCHEA TELAH MENOLAK SEMUA USAHA PENYELESAIAN DAMAI, TERMASUK CADANGAN LAPAN PERKARA YANG MENGANDUNGI RANGKAKERJA MEMBINA BAGI MENGADAKAN RUNDINGAN YANG BOLEH MEMBAWA KE ARAH PENYELESAIAN SECARA MENYELURUH DAN DAMAI, KERANA IA DIASASKAN PADA DASAR PERMUAFAKATAN KEBANGSAAN YANG MELIBATKAN SEMUA PIHAK.

BELIAU BERKATA BAHAWA KUASA-KUASA BESAR DAN +PROKSI+ MEREKA JUGA GIAT MENCUBA MEMBENTUK KERAJAAN DAN NEGARA DENGAN IMEJ MEREKA SENDIRI MELALUI HASUTAN DAN MENIMBULKAN KEMARAHAN SERTA MENCETUSKAN PEMBERONTAKAN DI AMERIKA TENGAH. -- LAGI.  
1508MST 29 09 86

U B208 AAB  
MAHATHIR - PBB 6 NEW YORK (EMBARGO).

+APAKAH MAJORITI DALAM PERTUBUHAN INI SILAP APABILA IA MENGUTUK TINDAKAN SEUMPAMA ITU? JIKA ADA MAJORITI SECARA AUTOMATIK, APAKAH TIDAK ADA TENDENSI BAGI KUASA-KUASA BESAR SECARA AUTOMATIK MENGGUNAKAN KEKUATAN MEREKA JIKA MEREKA TIDAK MENYUKAI PENDIRIAN MAJORITI ITU?+

MENGENAI PERLUCUTAN SENJATA, BELIAU BERKATA IA SESUATU YANG MENYERAMKAN JIKA KELANGSUNGAN HIDUP MANUSIA SEJAGAT KINI HARUS BERGANTUNG PADA SATU +IMBANGAN KEGANASAN+.

+RAKYAT MALAYSIA DIPANGGIL +BARBARIAN+ KERANA MEREKA MENGGANTUNG PENJENAYAH KULIT PUTIH EKORAN KESALAHAN BERHUBUNG DENGAN DADAH, SEDANGKAN KAMI JUGA MENGGANTUNG MEREKA YANG LAIN YANG MELAKUKAN JENAYAH SEUMPAMA ITU.

+APAKAH NAMANYA MEREKA YANG MENGANCAM UNTUK MENGHAPUSKAN KESELURUHAN BANGSA DI DUNIA INI UNTUK MEMENUHI STRATEGI PEPERANGAN MEREKA.+

MENGENAI ANTARTIKA, BELIAU BERKATA MALAYSIA DENGAN DIGALAKKAN OLEH KOMITMEN POSITIF PBB AKAN TERUS MELANJUTKAN OBJEKTIFNYA IAITU ANTARTIKA BAGI SEMUA BANGSA DAN BUKAN BAGI BEBERAPA KALANGAN EKSKLUSIF SAHAJA. -- LAGI.  
1510MST 29 09 86

U B209 AAB  
MAHATHIR - PBB 7 NEW YORK (EMBARGO)

BELIAU BERKATA MALAYSIA TIDAK AKAN MENYERAH PADA TEKANAN OLEH SESETENGAH PIHAK SUPAYA BERLEMBUT DAN MENGUBAH KOMITMEN ITU UNTUK BERUSAHA KE ARAH MENCAPAI OBJEKTIF BAGI SEMUA PIHAK YANG BERKEPENTINGAN TERMASUK PIHAK-PIHAK PERUNDING PERJANJIAN ANTARTIKA.

BELIAU BERKATA MALAYSIA TIDAK MENUNTUT KONFRONTASI ATAU UNTUK MEMUSNAHKAN RANGKAKERJA YANG TELAH DIBUAT OLEH PIHAK-PIHAK PERUNDING ITU TETAPI HANYA UNTUK MENDAPATKAN LEBIH BANYAK MAKLUMAT.

+APA YANG KAMI MAKSUDKAN IALAH SISTEM PENGURUSAN MENGENAI ANTARTIKA YANG DITERIMA PADA PERINGKAT ANTARABANGSA YANG MEMIHAK KEPADA KEPENTINGAN MANUSIA SEJAGAT.+ -- BERNAMA.  
1513MST 29 09 86